

PM anggap tiga pihak 'batu api' Islam, Barat

BH - 31/5/2006

Media antarabangsa antara punca imej Muslim disalah anggap

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menamakan tiga pihak yang bertanggungjawab merosakkan hubungan antara dunia Barat dan Islam yang kini semakin renggang.

Pihak terbabit ialah mereka yang melakukan kegunaan menggunakan nama Islam, kerajaan yang cuba menggambarkan puak penentang yang sah sebagai golongan jahat dan penjenayah serta media.


Sambil memberi penekanan kepada media, Perdana Menteri berkata media antarabangsa yang dikuasai oleh perspektif dan kepentingan Barat, sering memberi gambaran negatif terhadap dunia Islam.

"Apabila negara Barat membuat desakan, umpamanya terhadap Iran atau Hamas, media biasanya merujuk desakan itu sebagai datang daripada 'masyarakat antarabangsa' (tetapi) apabila negara Islam menyuarakan sesuatu pendirian, mereka tidak disebut sebagai 'masyarakat antarabangsa' walaupun bilangan mereka lebih besar," katanya.

Abdullah memberi contoh apabila beliau sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta pemimpin Islam lain mengutuk kegiatan keganasan atau demonstrasi menentang penyiaran karikatur Nabi Muhammad SAW, ia sekadar diberi liputan secara ringkas atau disebut sekali lalu saja.

"Suara sederhana dalam Islam kemudiannya pula dikedam kerana tidak melakukan sesuatu dengan secukupnya," katanya dalam ucapan pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-20 di sini, semalam.

Persidangan empat hari berakhir esok, yang dianjurkan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa Ase-



KENANG JASA: Shamsiah menerima buku kompilasi ucapan dan karya Noordin daripada Abdullah pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-20 di Kuala Lumpur, semalam.

an (Asean-ISIS), dihadiri 200 peserta termasuk pakar politik antarabangsa dan ahli ekonomi.

Mengenai kumpulan yang melakukan keganasan menggunakan nama Islam, Abdullah berkata, tindakan mereka menyukarkan lagi dunia Islam untuk memisahkan perkataan 'keganasan' daripada Islam.

Pada masa yang sama, katanya, umat Islam yang menyertai perge-

rakan bersenjata menentang secara sah tentera penceroboh dan kerajaan yang menindas, tetapi tidak terbabit dengan keganasan, dilihat kerajaan lain sebagai ancaman kepada kepentingan mereka dan diisytiharkan sebagai pengganas.

Pada majlis pelancaran semalam, Abdullah mengetuai bacaan Al-Fatihah untuk Allahyarham Tan Sri Dr Noordin Sopiee, bekas Pengerusi dan Ketua

Eksekutif ISIS Malaysia, serta melancarkan dua buku mengenai Noordin.

Satu daripadanya ialah kompilasi ucapan dan karya beliau, manakala satu lagi diterbitkan Asean-ISIS, berjudul *Twenty Two Years of Asean ISIS: Origin, Evolution and Challenges of Track Two Diplomacy*.

Abdullah menyerahkan senaskhah buku berkenaan kepada balu Noordin, Puan Sri Shamsiah Hashim.